



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN EKSKLUSIF  
SENIMAN AGUNG TAN SRI P. RAMLEE**

**22 MAC 2023 (RABU)  
3.00 PETANG**

**RUANG LEGAR, BALAI PELEPASAN TINGKAT 5,  
TERMINAL 1 LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR**

Selamat Sejahtera dan Selamat Petang

Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Zainun Ali  
Pengerusi  
Malaysia Airports Holdings Berhad

Yang Berbahagia Dato' Jaafar Sidek Haji Abdul Rahman  
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

Yang Berusaha Dr. Kang Tong Hum  
Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan / Agensi  
Kementerian Perpaduan Negara

Yang Berusaha Barisan Pengurusan Tertinggi, Kementerian Perpaduan  
Negara, Arkib Negara Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad.

Wakil-wakil yayasan, perbadanan dan agensi-agensi swasta.

Tan Sri, Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur kerana memberikan keizinan kepada kita untuk bersama dalam Majlis Perasmian Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee pada petang yang berbahagia ini.

Beras kunyit saya taburi,  
Air mawar direnjis wangi;  
Kerana kasih saya kemari,  
Memenuhi undangan hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Jaafar Sidek Bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia dan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Zainun Ali, Penggerusi Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) atas kesudian mengundang saya untuk merasmikan majlis ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia yang bekerjasama dengan Malaysia Airports Holdings Berhad menganjurkan majlis ini.
3. Penganjuran Pameran eksklusif ini dengan kesepakatan antara Arkib Negara Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad ini amat besar maknanya dalam usaha kita memartabatkan ketokohan serta sumbangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam bidang seni. Amat bertepatan sekali apabila ia diadakan pada hari ini, pada tanggal

kelahiran beliau, 94 tahun yang lalu. Manakala pada tahun 2023 ini genap 50 tahun pemergian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Semoga daya usaha yang dilakukan oleh Arkib Negara Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad ini akan menjadi contoh teladan kepada jabatan-jabatan dan institusi-institusi lain yang seumpamanya dalam mengiktiraf sumbangan seniman ulung seperti beliau.

Tan Sri, Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

4. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman bahawa ini adalah program kolaborasi yang pertama dengan MAHB pada tahun ini. Arkib Negara Malaysia juga telah merancang untuk mengadakan beberapa program seumpama ini sepanjang tahun 2023 bagi mengenang dan memperingati 50 tahun pemergian Seniman Agung Negara, Allahyarham Tan Sri P.Ramlee.
5. Kementerian Perpaduan Negara adalah kementerian yang bertanggungjawab memacu dan meneraju agenda perpaduan negara yang bersifat inklusif demi kemakmuran bersama dalam kalangan rakyat. Agenda ini akan dilaksanakan melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan Perpustakaan

Negara Malaysia dengan hasrat membina, memperkuuh dan mengekalkan perpaduan negara dalam melahirkan Masyarakat MADANI sebagaimana dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

6. Justeru itu, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara Kuala Lumpur sebagai program *flagship* Kementerian yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarluas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
7. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI mempunyai tiga kluster program iaitu :
  - (i) Semarak Kenegaraan;
  - (ii) Semarak Perpaduan; dan
  - (iii) Komuniti Rahmah
8. Pendekatan ini adalah berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity In Diversity*) yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara di mana keupayaan rakyat Malaysia meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama, kekayaan budaya serta tradisi.

9. Ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dipikul bersama. Ia memerlukan penglibatan jitu daripada semua pihak bermula dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) malah setiap rakyat Malaysia bagi membolehkan keamanan dan keharmonian negara kekal terpelihara. Dalam hal ini, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong penganjuran program-program sebegini yang mengenengahkan peranan Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam usahanya mengangkat dan memartabatkan dunia seni tanah air dan rasa cintakan negara.
  
10. Sejarah warisan negara mampu menjadi wadah dalam mewujudkan rakyat Malaysia yang mempunyai identiti tersendiri, jati diri yang kukuh serta dapat mencetuskan kecintaan kepada negara dan bangsanya. Keupayaan anak seni tempatan menghasilkan karya-karya berkualiti setanding filem antarabangsa membuatkan kita sebagai rakyat Malaysia berbangga dengan pencapaian tersebut. Perasaan bangga sebegini mampu memperkasakan jati diri kebangsaan dan seterusnya melahirkan masyarakat yang sentiasa menghargai apa yang menjadi milik mereka.

Tan Sri, Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

11. Seni yang tiada sempadan membolehkannya menjadi antara komponen perpaduan yang sangat bernilai. Semangat perpaduan boleh diterapkan

dan disuburkan melalui karya seni sebagaimana dihasilkan oleh Tan Sri P. Ramlee. Filem-filem yang dihasilkannya mampu menjadi medium untuk memperkuuh perpaduan antara kaum.

12. Terlalu banyak nilai-nilai positif yang boleh diambil dari setiap babak filem yang dipertontonkan kepada kita. Tan Sri P. Ramlee mendidik masyarakat tidak kira bangsa mahupun status sosial melalui karyanya baik lagu mahupun filem. Kritikan sosial yang diketengahkan membawa maksud yang sangat baik untuk diaplikasi dalam kehidupan seharian kita khususnya untuk masyarakat majmuk di Malaysia.
13. Ia adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat MADANI yang bersatu padu dan saling menghormati tidak kira bangsa, budaya dan agama. Tan Sri P. Ramlee telah meninggalkan kepada kita khazanah hasil usaha dan buah fikirannya yang tidak ternilai. Mesej-mesej keharmonian, bersatu-padu, bekerjasama, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama digarap dengan baik dan ditonjolkan dengan jelas dalam karya-karya beliau yang tidak pernah lapuk dek hujan, tidak pernah lekang dek panas.

Tan Sri, Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

14. Filem-filem Tan Sri P. Ramlee sememangnya dekat di hati kita tidak kira usia dan bangsa. Semua mengenali Tan Sri P. Ramlee. Melalui karyanya, kita diajar untuk saling hormat-menghormati, berbudi-

bahasa, sayangkan bangsa dan negara. Kita tidak lupa dengan watak Singh dalam filem Seniman Bujang Lapok yang menegur Ramlee, Ajis dan Sudin supaya memanggil orang dengan baik, menggunakan nama-nama yang telah mereka miliki. Begitu juga watak Aney dan isteri ketika ditegur oleh Ramlee dan kawan-kawannya. Melalui watak Aney, kita diajar untuk hidup saling harmoni antara keluarga dan jiran tetangga. Kita ingat juga watak Ah Leng, peniaga yang patriotik dalam filem Sarjan Hasan yang membantu P. Ramlee yang memegang watak Sarjan Hasan, saling membantu memyampaikan maklumat keadaan orang kampung ketika negara ditakluk Jepun. Justeru itu, tidak keterlaluan bagi Kementerian Perpaduan Negara untuk turut menjadikan Tan Sri P. Ramlee sebagai Ikon Perpaduan menerusi seni perfileman dan berharap akan lebih ramai karyawan filem mencontohi Tan Sri P. Ramlee dalam menghasilkan karya.

15. Sumbangan Tan Sri P. Ramlee dalam memartabatkan bidang seni tanah air tidak dapat dipertikaikan. Bakat beliau dalam gubahan lagu dan lakonan berada dalam kelasnya yang tersendiri. Tema pameran ‘Hanya Dikau: Seniman Agung P. Ramlee’ amat bertepatan sekali. Rakyat Malaysia tanpa mengira umur dan kaum, membesar dengan karya-karya beliau. Setiap kali apabila tibanya Hari Raya Aidilfitri pasti lagu ciptaan beliau seperti Dendang Perantau dan Suara Takbir akan dimainkan di corong-corong radio dan televisyen. Lagu-lagu tersebut seolah-olah hidup, penuh makna dan mempunyai nilai sentimental serta sangat nostalgia. Bakat beliau dalam seni baik muzik, pengarahan filem, lakonan memang tiada siapa yang boleh menafikan kehebatannya dan

diiktiraf bukan sahaja di Malaysia malah hingga ke peringkat antarabangsa.

16. Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee anjuran bersama Arkib Negara Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad ini, yang mengenengahkan koleksi milik Tan Sri P. Ramlee amatlah dipuji. Dari Jalan Dedap ke KLIA, tentunya dapat memberikan peluang seluasnya kepada rakyat Malaysia untuk menatap dengan lebih dekat barang koleksi Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan dapat menambah pengetahuan mereka kepada tokoh seni yang hebat ini. Tentunya dengan pameran yang diadakan di KLIA ini, kita juga dapat memperkenalkan kepada pengunjung luar negara bahawa Malaysia juga memiliki seorang ikon seni yang setanding dengan artis hebat di luar negara yang mereka kenali. Dengan berkonsepkan babak filem-filem arahan beliau seperti ‘Tiga Abdul’, ‘Seniman Bujang Lapok’, ‘Pendekar Bujang Lapok’, ‘Ali Baba Bujang Lapok’ dan ‘Madu Tiga’, saya yakin dan percaya kita akan beroleh manfaat yang besar daripada pameran ini nanti.

Tan Sri, Dato’-dato’, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

17. Kerjasama sebegini juga amat penting dalam usaha memelihara khazanah warisan negara. Saya menyeru syarikat-syarikat korporat yang lain untuk turut serta membentuk kerjasama sebegini. Kementerian Perpaduan Negara akan menyokong dan membantu menjayakan usaha sama sebegini demi kepentingan masyarakat dan negara.

18. Saya menyambut baik usaha Arkib Negara Malaysia dalam menganjurkan pameran-pameran seumpama ini sebagai salah satu cara untuk menyebarluaskan maklumat serta mengukuhkan persefahaman dari segi pandangan masyarakat dalam konteks perpaduan melalui mesej-mesej yang disampaikan dalam karya-karya Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Semoga dengan usaha ini, kesepaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI dapat dikekalkan. Ini selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu dapat membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi saling menghormati dan bertanggungjawab.
  
19. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih serta syabas kepada Arkib Negara Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad kerana menjayakan majlis seumpama ini. Tidak lupa juga kepada jawatankuasa pengajur, para media dan semua pihak yang terlibat dalam menyokong, memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pameran dan majlis perasmian pada petang ini. Sesungguhnya usia 50 tahun bagi mengenang pemergian Seniman Agung Negara sememangnya sesuatu yang patut dilaksanakan bagi menyuburkan kembali ingatan kita terhadap sumbangan dan jasa bakti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Dengan itu, **saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee.**

Sekian, terima kasih.